

PENGANJURAN PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA SEMPENA HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2023



1.0 Tarikh Program

- ✓ Tarikh pertandingan : **4 Mac 2023 (Sabtu).**
- ✓ Masa : **7.30 pagi hingga jam 12.30 tengah hari.**

Pendaftaran Pertandingan Memancing

- ✓ Secara online : www.ppj.gov.my pada 23 Feb - 1 Mac 2023
- ✓ Kaunter Khidmat Pelanggan PPj : 28 Feb – 3 Mac 2023, jam 9.00 pg hingga 4.00 ptg. (Hari Jumaat tutup jam 12.00 hingga 3.00 ptg)
- ✓ Kaunter Pendaftaran di Tapak Memancing Presint 3 : bermula pada Jumaat, 3 Mac 2023 jam 3.00 ptg hingga tamat pertandingan (dibuka 24 jam).
Lokasi tepi jalan berdekatan Tapak Food Truck.

Pengesahan Pertandingan Memancing

- ✓ Pengesahan Penyertaan serta kutipan Gelang Peserta, No Cabutan Bertuah, Tag Pancang dan Tag Joran di Kaunter Pendaftaran di Tapak Memancing P3 pada 3 Mac 2023 (jam 3.00 ptg) hingga tamat pertandingan (dibuka 24 jam).
Lokasi tepi jalan berdekatan Tapak Food Truck.

2.0 Tempat Pertandingan

Sisiran Tasik Presint 2, 3 dan Presint 4
(dari Monumen Alaf Baru Kebangsaan hingga sekitar Jambatan Seri Saujana)



3.0 Yuran Penyertaan

- 3.1 Yuran penyertaan : **RM20.00** bagi setiap joran.
- 3.2 Tiada had joran bagi seorang pemancing.

4.0 Hadiah Wang Tunai Pertandingan Memancing

<u>Bil</u>	<u>Kedudukan</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
i	Tempat Pertama	1	7,000.00
ii	Tempat Kedua	1	5,000.00
iii	Tempat Ketiga	1	3,000.00
iv	Tempat Ke 4 – 10 @ RM200 / unit	7	1,400.00
v	Tempat Ke 11 – 20 @ RM100 / unit	10	1,000.00
vi	Tempat Ke 21 – 50 @ RM70 / unit	30	2,100.00
vii	Tempat Ke 51 – 100 @ RM50 / unit	50	2,500.00

5.0 Hadiah Cabutan Bertuah

5.1 Bilangan hadiah cabutan bertuah : 60 unit

5.2 Cabutan Bonanza

- ✓ 1 unit Motosikal Modenas KKriss
- ✓ 2 unit TV LED 50/55 inci

6.0 Kaedah dan Peraturan Pertandingan

6.1 Kaedah penentuan pemenang adalah berdasarkan sistem mata.

6.2 Konsep Tangkap dan Lepas dipraktikkan bagi beberapa spesies ikan bermutu tinggi yang telah dikenal pasti seperti Kelah, Temoleh dan sebagainya. Konsep ini diamalkan bagi memastikan keseimbangan populasi serta kelangsungan diversiti ikan di Tasik Putrajaya.

6.3 Maklumat konsep “Tangkap dan Lepas” dan Peraturan Pertandingan Memancing termasuk “Do’s and Don’ts” yang menjelaskan kaedah penentuan pemenang adalah seperti butiran 7.0

7.0 SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN MEMANCING

1.0 PESERTA

1.1 Peserta yang mempunyai rekod menipu atau cuba menipu dalam pertandingan sebelum ini tidak dibenarkan menyertai pertandingan;

1.2 Peserta yang didapati menipu atau cuba menipu semasa pertandingan akan dibatalkan penyertaan dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai Pertandingan Memancing di Putrajaya pada masa akan datang;

1.3 Peserta dibenarkan mendirikan khemah 20 meter dari tebing tasik mulai **3 Mac 2023 (Jumaat)** pada jam **3.00 petang**;

- 1.4 Peserta wajib memakai gelang peserta yang diberikan penganjur;
- 1.5 **Peserta TIDAK DIBENARKAN sama sekali memancing sebelum siren pertandingan dibunyikan. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan akan DIBATALKAN dan peralatan akan dirampas;**
- 1.6 **Peserta TIDAK DIBENARKAN sama sekali menanda kawasan memancing menggunakan cat atau lain-lain bahan yang dianggap sebagai penanda kawasan selain menggunakan pancang (mempunyai tag) dalam tempoh yang ditetapkan sahaja;**
- 1.7 Peserta boleh mendaftar seberapa banyak batang joran dengan kadar bayaran **RM20.00/joran**;
- 1.8 Peserta hendaklah membuang sampah di tong sampah yang disediakan menggunakan plastik yang dibekalkan;
- 1.9 Semua perbelanjaan bagi menyertai pertandingan ini adalah tanggungan sendiri dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas semua kehilangan, kemalangan atau kecelakaan yang menimpa peserta;
- 1.10 Peserta bebas memilih lokasi memancing tetapi dilarang keluar dari kawasan yang ditetapkan. Pihak penganjur berhak menentukan kawasan yang dibenarkan mengikut jumlah penyertaan; dan
- 1.11 Peserta perlu menghantar ikan ke meja Hakim untuk ditimbang selepas mendapat Waran Marsyal.

2.0 KAWALAN KAWASAN


- 2.1 Dilarang membuang sampah di kawasan memancing;
- 2.2 Kenderaan persendirian **TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI** memasuki kawasan memancing;

- 2.3 Peserta adalah **DILARANG SAMA SEKALI** masuk ke dalam Tasik Putrajaya;
- 2.4 Dilarang merosakkan pokok dan tanaman di kawasan memancing. Pemancing yang ditangkap merosakkan pokok & persekitaran akan dikenakan kompaun oleh Perbadanan Putrajaya dan penyertaan akan dibatalkan. Ini selaras dengan Undang-undang Kecil Taman (Perbadanan Putrajaya) 2002.
- 2.5 Peserta boleh menggunakan umpan seperti dedak, cacing, cengkerik, roti, pellet, ikan hidup, lipas, lipan, ulat gendon, jenis-jenis ulat hidup, bahan-bahan daripada buah-buahan seperti pisang, betik, buah kelapa sawit, *marshmallow* (mesti menggunakan batu ladung) dan telur kerengga.
- 2.6 Peserta **DILARANG** menggunakan umpan tiruan (Rapala), organ dalaman haiwan, umpan TAPA, katak, anak itik, cicak, anak ayam dan umpan yang menggunakan organ haiwan yang berbau hanyir dan meloyakan serta kuning telur.
- 2.7 Pelampung, mata dua, mata *spider* dan mata tiga adalah **DILARANG**.

		
HANYA YANG DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN

- 2.8 Penggunaan mata bom dan rambai dibenarkan.
- 2.9 Selepas mendapat waran tangkapan ikan daripada Marsyal, **peserta perlu menghantar ikan ke meja Hakim** untuk ditimbang dan pengesahan spesies ikan dengan **membawa bersama Ikan, Resit dan Waran Tangkapan**. Bagi peserta yang memancing berdekatan kaunter hakim dan belum menerima Waran Tangkapan, peserta perlu membawa joran yang mendapat ikan dan resit pendaftaran ke kaunter hakim untuk menimbang ikan.

- 2.10 Bantahan boleh dibuat dalam tempoh 15 minit selepas pertandingan tamat dengan setiap bantahan akan dikenakan bayaran RM150.00. Wang tidak dikembalikan jika bantahan ditolak.
- 2.11 Joran yang digunakan mesti mempunyai tag yang disediakan oleh penganjur. Jika joran patah, peserta perlu memaklumkan kepada penganjur untuk mendapat tag joran yang baru. Joran tanpa tag akan dibatalkan penyertaannya.
- 2.12 Pancang yang dibenarkan di dalam pertandingan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
- i. Hanya pancang yang mempunyai tag dibenarkan dipasang di tapak pertandingan (bermula Jumaat, 3 Mac 2023 / jam 3.00 ptg);
 - ii. Hanya pancang besi berbentuk 'Y' sahaja yang dibenarkan;
 - iii. Pancang yang diikat dengan tali bagi tujuan penandaan kawasan akan dipotong;
 - iv. Pancang yang tidak mempunyai tag akan dicabut dan ditanggalkan. Pancang tersebut boleh dituntut di khemah urus setia;
 - v. Pancang menggunakan ranting, buluh, paip PVC dan kayu tidak dibenarkan; dan.
 - vi. Keselamatan pancang ialah tanggungjawab peserta.
- 2.13 Tag joran yang dibekalkan perlu dilekatkan secara memanjang bermula dari tempat pemegang "reel" sehingga gelang pertama joran masing-masing. Rujuk gambar di bawah.



- 2.14 Ikan yang berjaya dinaikkan oleh joran yang tidak dilekatkan tag joran, maka ikan tersebut tidak akan ditimbang.
- 2.15 Ikan yang dipertandingkan mesti memakan umpan. Sekurang-kurangnya satu mata kail perlu kena di bahagian dalam mulut sahaja untuk layak dipertandingkan (mata bom/rambai). Jika semua mata kail terkena ekor atau badan, ikan tidak layak dipertandingkan.
- 2.16 Ikan yang berjaya dipancing akan menjadi hak milik penganjur.
- 2.17 **Peserta layak memenangi lebih daripada satu (1) hadiah KECUALI hadiah tempat Pertama hingga Ketiga.** Sekiranya seorang peserta mendapat tiga ekor ikan terberat, maka peserta berkenaan akan ditabalkan sebagai juara manakala dua ekor ikan lagi yang dipancing akan menduduki tempat keempat dan kelima.
- 2.18 Kemenangan ditentukan berdasarkan jumlah mata bagi seekor ikan yang ditimbang serta masa tangkapan ikan yang dicatat oleh marsyal.
- 2.19 Ikan yang sudah berada di dalam tangguk ketika siren penamat dibunyikan layak dipertandingkan. Bagi ikan yang masih berada di dalam air ketika siren penamat dibunyikan, ikan berkenaan tidak layak dipertandingkan.
- 2.20 Bagi mengekalkan konsep tangkap dan lepas maka saiz ikan yang berjaya dinaikkan perlu dilepaskan semula ke Tasik Putrajaya sebagaimana jadual berikut.

Jenis dan Saiz Ikan yang Perlu Dilepaskan

Spesies	Saiz
Sebarau	Kurang 10 inci/25cm
Jelawat	Kurang 10 inci/25cm
Belida	Kurang 10 inci/25cm
Ketutu	Kurang 10 inci/25cm
Lampam Sungai	Kurang 7 inci/18cm
Tenggalan	Kurang 14 inci/30cm
Kelah	Semua Saiz
Temoleh	Semua Saiz

Spesies	Saiz
Tengas	Semua Saiz
Bujuk	Semua Saiz
Kerai	Semua Saiz

2.21 Semua ikan mestilah dihantar ke meja hakim bersama joran dan mata kail masih melekat di mulut ikan. Bagi ikan yang sudah disahkan marsyal, ia boleh dihantar ke meja hakim bersama waran tangkapan ikan yang diberikan oleh marsyal meskipun tanpa joran dan mata kail.

2.22 Semua spesies **ikan keli** tidak dipertandingkan.

3.0 KAEDAH PENENTUAN PEMENANG BAGI PERTANDINGAN

3.1 Kaedah penentuan pemenang berdasarkan Sistem Mata bagi Pertandingan Memancing ini dibuat bagi memberi peluang ikan tempatan berkualiti tinggi seperti Temoleh dan Tengalan bersaing dengan ikan lain untuk muncul juara.

3.2 Kaedah ini dilakukan dengan memberikan pemberat bagi setiap kumpulan ikan seperti jadual di bawah:

Sistem Mata Pertandingan Memancing Putrajaya

Mata/kg	Spesies Ikan
10	Temoleh, Kerai, Tengalan, Jelawat, Kelah, Tengas, Ketutu
7	Sebarau, Belida, Baung, Patin, Haruan, Kalui, Bujuk
5	Lampam, Tilapia, Kap Rumput, Rohu, Lee Koh
3	Toman, Pacu dan Lain-Lain

Nota: Ikan **KELI** tidak dipertandingkan

ACARA SAMPINGAN

- i. Pertandingan memasak ikan air tawar;
- ii. Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak; dan
- iii. Memancing udang (kolam buatan): terbuka kepada kanak-kanak (bawah 12 tahun).

A. Pertandingan memasak

Yuran Penyertaan : RM30.00

<u>Kedudukan</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
Tempat Pertama	1	500.00
Tempat Kedua	1	300.00
Tempat Ketiga	1	200.00
Tempat Ke 4 – 10 @ RM100 / unit	7	700.00

B. Pertandingan mewarna

Kategori A (7 – 9 tahun)

<u>Kedudukan</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
Tempat Pertama	1	100.00
Tempat Kedua	1	80.00
Tempat Ketiga	1	50.00
Tempat Ke 4 – 10 @ RM20 / unit	7	140.00

Kategori B (10 – 12 tahun)

<u>Kedudukan</u>	<u>Kuantiti</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
Tempat Pertama	1	200.00
Tempat Kedua	1	100.00
Tempat Ketiga	1	70.00
Tempat Ke 4 – 10 @ RM30 / unit	7	210.00

Nota: Tiada hadiah diberikan kepada peserta pertandingan memancing udang. Peserta boleh membawa pulang udang yang berjaya dipancing.